

# Anugerah Inovasi 2025



Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Bendahari bagi tahun 2025 telah dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif jabatan untuk mengiktiraf, menggalakkan serta mengekalkan budaya inovasi dalam kalangan warga Jabatan Bendahari. Penganjuran ini memberi peluang kepada staf untuk menonjolkan idea-idea baharu yang dapat meningkatkan keberkesanan operasi, memperkemas proses kerja serta menambah nilai kepada sistem penyampaian perkhidmatan jabatan

Hebahan dan iklan penyertaan telah dikeluarkan pada 19 September 2025, manakala tarikh tutup penyertaan adalah pada 10 Oktober 2025. Sebanyak 10 penyertaan telah diterima daripada warga Jabatan Bendahari, terdiri daripada dua kategori iaitu 6 penyertaan individu dan 4 penyertaan kumpulan. Pembentangan dan penjurian telah diadakan pada 27 Oktober 2025 bertempat di Bilik Karisma, Jabatan Bendahari.

Semua peserta yang disenarai pendek telah membentangkan hasil inovasi masing-masing kepada panel juri yang dilantik secara rasmi. Barisan Panel juri bagi tahun 2025 terdiri daripada: Dr. Bebe binti Abu Bakar – Jabatan Bendahari, En. Abdul Rashid bin Aris – Unit Audit Dalam, En. Jeffri bin Selamat – Jabatan Bendahari dan En. Nazreeq bin Nor Majid – Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), TNCPi

## mempertingkatkan keberkesanan operasi

Secara keseluruhannya, penyertaan yang diterima menunjukkan tahap komitmen dan kreativiti yang tinggi daripada warga Jabatan Bendahari. Projek-projek yang dikemukakan menggambarkan keprihatinan serta kesungguhan staf dalam mencari pendekatan baharu bagi mempertingkatkan keberkesanan operasi dan kualiti perkhidmatan kewangan universiti. Program ini turut memberi ruang kepada peserta untuk berkongsi amalan terbaik (*best practices*) yang boleh diterapkan dalam operasi harian jabatan, seterusnya menjadi inspirasi kepada warga kerja lain untuk terus berinovasi



## Pemenang Anugerah Inovasi 2025

Sebagai penghargaan atas usaha dan pencapaian tersebut, dua kategori utama telah dinilai dan dipertandingkan. Pemenang bagi tahun 2025 Kategori Individu dimenangi oleh Puan Nazatul Hidayah binti Yusof dari Unit Perolehan, dengan tajuk projek Transformasi Kewangan : Optimalisasi Caj Pendaftaran Pembekal ke Arah Perkhidmatan yang Lebih Cepak dan Efisien, pemenang menerima Wang tunai RM100.00 dan sijil penghargaan. Manakala bagi kategori Kumpulan dimenangi oleh En. Masasry bin Hassim Unit Penjanaan & Risiko, dengan tajuk projek Automasi Laporan Prestasi Pencapaian Penjanaan Pendapatan (FS), pemenang menerima wang tunai RM200.00 dan sijil penghargaan.

# Anugerah Inovasi 2025

Penganjuran Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Bendahari 2025 telah berjaya mencapai objektifnya dengan melahirkan idea-idea yang bernas serta berimpak positif terhadap operasi jabatan. Ia bukan sahaja menjadi platform pengiktirafan kepada hasil kerja kreatif warga jabatan, malah mendorong kepada pembudayaan kerja yang lebih inovatif, efektif dan berteraskan nilai tambah.

## Senarai penyertaan Anugerah Inovasi Jabatan Bendahari

BIL	PROJEK INOVASI	KATEGORI	SENARAI PESERTA
1	SKMPW-TRACKER : Dashboard Semakan Surat SKMPW Berasaskan Looker Studio	Individu	Nur Qamarnajwa binti Mohd Shahli
2	Penerbitan Kelestarian Aspirasi Lestari Jabatan Bendahari	Individu	Muhammad Azim bin Arip
3	Dashboard Laporan Prestasi Bayaran UTMKL	Individu	Fadhila Afzan binti Anas
4	Automasi Laporan Pengurusan Risiko Jabatan Bendahari	Individu	Masasry bin Hassim
5	Transformasi Kewangan : Optimalisasi Caj Pendaftaran Pembekal Ke Arah Perkhidmatan Yang Lebih Cekap & Efisien	Individu	Nazatul Hidayah binti Yusof
6	Bye Fail Banyak! : Transformasi Pemfailan Digital Unit	Individu	Izreen Farah binti Zulkifly
7	Pengurusan Kelestarian Inovasi Aktiviti Hijau Jabatan Bendahari	Kumpulan	Yohaniz Abdul Rahim Muhammad Azim bin Arip Mohd Afiq bin Anuar Farah Nabila Abdul Rahman Rafizah Abd Jalil
8	Klik & Daftar Revolusi Digital Pendaftaran Pembekal	Kumpulan	Nazatul Hidayah binti Yusof Mohd Syamsul Ridhwan Izreen Farah Zulkifly Mahiran Ithnin Mohd Fareed Mohd Hasmin Mohamad Mohd Fazli Asin
9	Automasi Laporan Prestasi Pencapaian Penjanaan Pendapatan (FS)	Kumpulan	Masasry bin Hassim Latifah binti Hamzah
10	Transformasi Pengiklanan Sebutharga/Tender Melalui Platform	Kumpulan	Nazatul Hidayah binti Yusof Noryati Zaharee Fazira Abd Ghani Junaini Zakaria Hasbiah Abd Samad